

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

30.10.2015

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Seperti yang diketahui umum, MSWG sangat jelas di dalam pendirian kami yang menggalakkan syarikat tersenarai awam untuk menzahirkan minit Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) mereka, atau sekurang-kurangnya ringkasan prosiding mesyuarat, menerusi laman web dan sebaik sahaja ianya dapat dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari MAT. Matlamat utama amalan ini adalah untuk mengukuhkan ketelusan dan bagi kepentingan pemegang saham, supaya keputusan pelaburan mereka dapat dilakukan berdasarkan maklumat terkini dan komprehensif.

Walaubagaimanapun, bantahan utama untuk melaksanakan amalan ini adalah potensi pelanggaran aspek “maklumat sulit komersil yang munasabah”, yang bertumpu kepada pengiktirafan bahawa perlindungan kepentingan syarikat perlu diberikan lebih keutamaan daripada ketelusan. Secara ringkasnya, sesebuah syarikat patut dibenarkan untuk tidak menzahirkan prosiding MAT di dalam situasi yang dianggap berpatutan oleh syarikat.

Masalah yang mungkin timbul daripada kelonggaran untuk tidak menzahirkan minit MAT yang merupakan maklumat penting kepada hala tuju perniagaan syarikat adalah potensi di mana ianya mungkin disalahgunakan. Ini juga mengambilkira bahawa peraturan kawal selia mengenai perkara ini hanyalah merupakan garis panduan, menyebabkan kes-kes di mana kerugian kerugian telah berlaku kerana terlalu banyak kuasa berada di tangan syarikat dan terlalu sedikit semakan danimbangan atau ‘*check and balance*’ yang wujud. Ringkasnya,imbangan kuasa agak berat sebelah, dan lebih memihak kepada syarikat, sekaligus memberikan syarikat kelebihan dari segi apa dan bila dan bagaimana mereka perlu berkongsi maklumat penting dengan pemegang saham.

Dalam pandangan kami, pematuhan kepada peraturan am yang menggalakkan penzahiran segera prosiding MAT bukan hanya akan terus meningkatkan tahap pengetahuan pelaburan di kalangan pemegang saham minoriti, malah ianya juga turut menambah kepada semakan danimbangan di dalam sistem. Terdapat juga manfaat tambahan iaitu meletakkan Malaysia selari dengan amalan di negara-negara ASEAN yang lain seperti Thailand, di mana walaupun mereka merupakan pasaran yang lebih kecil, namun telah terlebih dahulu mengiktiraf bahawa ketelusan dan akauntabiliti merupakan teras utama tadbir urus. Ini merupakan elemen yang diperlukan bagi pertumbuhan yang mampan dan kepentingan komersil terutamanya bagi syarikat awam.

Diakui bahawa senario buruk yang mungkin berlaku berikutan penzahiran maklumat penting adalah kemungkinan ianya mengakibatkan pendakwaan ataupun terpaksa melakukan tapisan terhadap kata-kata yang tidak diingini di dalam prosiding MAT, namun kami ingin memberikan komen berikut:

Keterbukaan dan dunia yang diterajui maklumat hari ini membolehkan data diperolehi dalam pelbagai cara, dan maklumat prosiding MAT boleh dan akan diperolehi melalui mana-mana dan pelbagai cara. Ini cuma memerlukan sedikit imaginasi, sambungan internet yang baik dan beberapa panggilan telefon. Juga bagi syarikat tersenarai awam, seseorang hanya perlu membeli satu lot saham yang minima dan ini akan membolehkannya memperolehinya minit mesyuarat MAT. Oleh itu, syarikat sepatutnya memudahkan proses ini untuk pelabur dan bakal pelabur.

Tambahan pula, MAT, secara semula jadinya, adalah pertemuan yang meriah. Agak sukar untuk melihat bagaimana tanggapan penzahiran awam akan membataskan perbincangan yang terus-terang, seperti mana sesuatu sidang media tidak pernah melihat kekurangan soalan lebih-lebih lagi dengan jangkaan laporan yang akan dikeluarkan pada hari berikutnya.

Lebih 40 syarikat tersenarai awam di Malaysia telah pun menzahirkan prosiding MAT mereka. Walaupun pendedahan minit MAT amatlah disyorkan, ia tidak bermaksud ianya perlu menzahirkan setiap perkataan yang diucapkan. Harapan kami adalah supaya ringkasan prosiding merangkumi tetapi tidak dihadkan kepada perkara-perkara berikut:

Jumlah pemegang saham, senarai pengarah dan pengurusan kanan yang hadir, nama Pengerusi mesyuarat, juruaudit luar, pengawas bebas, resolusi yang dibentangkan dan keputusannya serta sama ada pengundian dilaksanakan secara mengangkat tangan atau melalui poll, ringkasan prosiding dan hak pemegang saham yang termaktub di dalam Memorandum & Tata Urusan (M&A) syarikat. Syarikat juga disyorkan untuk memuat naik M&A Syarikat yang merupakan dokumen awam ke dalam laman web syarikat.

Dalam hal yang berasingan, menyentuh bajet 2016 baru-baru ini, kerajaan telah cuba untuk memenuhi keperluan masyarakat Malaysia sebanyak mungkin.

Antar perkara penting adalah tumpuan berterusan dan disiplin ke arah mengekalkan sasaran kerajaan untuk mencapai belanjawan seimbang menjelang 2020 dan tumpuan kepada golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah.

Bajet tersebut agak menekan golongan pendapatan pertengahan, yang diburukkan dengan subsidi yang berkurangan dan GST, namun pada masa yang sama tidak layak bagi memperoleh bantuan kewangan dan skim insentif lain yang disediakan Kerajaan. Selain itu, kenaikan kadar cukai bagi golongan berpendapatan tinggi merupakan trend yang merisaukan, di mana di seluruh dunia cukai pendapatan telah dikurangkan apabila GST dilaksanakan.

Rita

KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

BAJET 2016

Berikut adalah antara lain sorotan penting daripada Bajet 2016:

Peruntukan Bajet

* RM267.2bil diperuntukkan dalam Bajet 2016, berbanding RM260.7bil yang disemak semula pada tahun 2015.

* RM215.2 bilion diperuntukkan untuk Perbelanjaan Operasi (80.5%) dan RM52 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan (19.5%).

* GST dijangka mengumpul RM39 bilion tahun hadapan, berbanding RM27 bilion yang dikutip dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2015.

Cukai

* Cukai pendapatan peribadi dinaikkan daripada 25% kepada 26% untuk mereka yang berpendapatan antara RM600,000 hingga RM1 juta. Cukai pendapatan juga dinaikkan sehingga 28% daripada 25% bagi mereka yang berpendapatan RM1 juta dan ke atas.

* Pengecualian cukai sebanyak RM8,000 berbanding RM6,000 sebelum ini, disediakan untuk setiap anak di atas umur 18 tahun di institusi pendidikan, dalam dan luar negeri.

Perbelanjaan

* Keutamaan pertama Bajet 2016 adalah untuk merangsang pelaburan domestik yang menyumbang 26.7% kepada KDNK pada 2016.

* Bajet bertujuan untuk meningkatkan pelaburan swasta kepada RM218.6bil dan pelaburan awam kepada RM112.2mil.

* RM41.3 bilion diperuntukkan untuk menambah baik pendidikan.

* Peruntukan RM30.1 bilion bagi projek pembangunan, RM5.2 bilion untuk keselamatan dan pembangunan sosial mendapat peruntukan RM13.1 bilion.

Subsidi dan pemberian

* Peruntukan Subsidi dilihat sedikit menurun kepada RM26.1 bilion daripada RM26.2 bilion tahun ini.

* Kerajaan akan memperuntukkan pembayaran BR1M sebanyak RM400 kepada orang yang belum berkahwin di atas umur 21 tahun dengan pendapatan di bawah RM2,000. Pembayaran BR1M sebanyak RM1,050 juga diperuntukkan kepada mereka yang berpendapatan di bawah RM1,000 dan RM1,000 (untuk mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000), RM800 (untuk mereka yang berpendapatan di bawah RM4,000).

Sorotan penting ekonomi makro

* Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.3% dalam separuh pertama 2015 dan dijangka berkembang antara 4.5% dan 5.5%. Pertumbuhan ekonomi diramalkan pada 4.0-5.0% untuk 2016.

* Lebihan akaun semasa pada 2016 diramalkan turun kepada RM11.3 bilion. Defisit fiskal pada 2016 dikurangkan kepada 3.1% daripada keluaran dalam negara kasar.

* Had hutang Kerajaan kekal pada 55% daripada KDNK pada tahun 2016, meramalkan nisbah 54.0% pada tahun ini dan naik sedikit daripada 52.7% pada tahun 2014.

* Hasil berkaitan minyak dan gas dijangka berada pada tahap 14.1% daripada jumlah hasil pada 2016, menurun daripada 19.7% pada tahun 2015.

* Gaji permulaan minimum dalam perkhidmatan awam ditetapkan pada RM1,200 sebulan dari bulan Julai 2016.

* Dari Julai 2016 , kadar pencen minimum ditetapkan pada RM950 sebulan untuk pesara dengan sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan.

* Mensasarkan 30% penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan swasta.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.

